

# 'Demonstrasi cara bodoh'

## Kerajaan tidak halang minoriti bincang secara intelektual: Nazri

Oleh Wan Hazmir Bakar

**K**UALA LUMPUR: Tindakan berdemonstrasi bagi membantah penganjuran forum membincangkan mengenai isu masyarakat bukan langkah bijak dalam mencari penyelesaian sebenar kepada sesuatu masalah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata kerajaan tidak menghalang penganjuran forum secara terbuka bagi membincangkan secara intelektual hak golongan minoriti negara ini.

"Kalau anda protes dengan berdemonstrasi, saya rasa ia tindakan bodoh. Saya tak takut untuk nyatakan ini kerana dalam alaf baru kita **duduk** berbincang... kita tidak menyekat orang lain berbincang apa yang sah.

"Kami mengutuk sekeras-kerasnya mereka yang datang beramai-ramai untuk membantah forum sah untuk membincangkan hak masyarakat negara ini," katanya pada sidang media bersama selepas melancarkan Mesyuarat Pakar Antara-

bangsa Mengenai Hak Asasi Manusia Dalam Islam, di sini, semalam.

Beliau mengulas tindakan kira-kira 500 orang yang mendakwa mewakili Badan Antisuruhanjaya Antara Kepercayaan Agama (BADAI) mengadakan demonstrasi secara aman di depan Hotel Cititel. Pulau Pinang kelmarin bagi membantah penganjuran satu forum yang didakwa menghina Islam.

Demonstrasi bermula kira-kira jam 8.30 pagi, bersurai dua jam kemudian atas nasihat polis tanpa menyetujui sebarang kejadian tidak ingini.

Forum anjuran bersama Aliran dan 13 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menggelar diri mereka Artikel 11 membincangkan isu berkaitan Suruhanjaya Antara Kepercayaan Agama (IFC) termasuk sistem kehakiman dan penolakan sebarang usaha menjadikan Malaysia negara teokratik.

Kumpulan Artikel 11 itu mendakwa Malaysia bukan negara Islam, sebaliknya negara yang mengamalkan undang-undang sekular dan menentang sebarang usaha menjadikan

Malaysia, negara teokrasi.

Dalam perkembangan lain, Mohamed Nazri berkata, Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen akan merangka kod etika praktikal untuk Ahli Parlimen ketika berurusan dengan kakitangan awam, sebelum diserahkan kepada kerajaan untuk kelulusan.

Beliau berkata, kerajaan sudah bersetuju mempertimbangkan pengubahan kod etika itu berikutan kontroversi membabitkan Ahli Parlimen Jasin, Datuk Mohd Said Yusof.

"Berikutan kes ini kita sudah buat keputusan untuk mempertimbangkannya (kod etika). Saya pasti ba-

*"Kalau anda protes dengan berdemonstrasi, saya rasa ia tindakan bodoh. Saya tak takut untuk nyatakan ini kerana dalam alaf baru kita duduk berbincang"*

**Mohamed Nazri Abdul Aziz,**  
*Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

nyak yang akan dicadangkan kepada Jawatankuasa Pilihan, selepas itu kita buat keputusan apa yang praktikal untuk Ahli Parlimen.

"Banyak cadangan mungkin ideal dan baik tetapi apabila hendak dilaksanakan ia tidak boleh," katanya.

Cadangan untuk kod etika bagi Ahli Parlimen dibuat bekas Pengerusi Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC), Datuk Shahrir Samad, berikutan kontroversi kes Mohd Said.

Shahrir melepaskan jawatan Pengerusi BNBBC selepas gagal mendapat sokongan Ahli Parlimen BN untuk meluluskan usul Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang di Dewan Rakyat bagi merujuk akhbar *New Straits Times* (NST) kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan Parlimen berhubung artikelnya mengenai Mohd Said.

Mohd Said dilaporkan sebagai meminta pegawai Kastam Diraja Malaysia (KDRM) 'menutup sebelah mata' berhubung kes import kayu bergergaji dari Indonesia, baru-baru ini.

Mohamed Nazri juga menjelaskan

tindakan tidak merujuk kes itu kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan Parlimen bukan bermakna beliau mahu menghentikan siasatan terhadap Ahli Parlimen Jasin itu.

Katanya, kes sedemikian perlu disiasat dan diadili pihak berkuasa, bukannya jawatankuasa berkenaan yang tidak mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman jika ia satu kesalahan jenayah.

"Biarlah kita lebih telus daripada apa yang dikehendaki Shahrir dan Kit Siang. Saya mahu pihak berkuasa bebas menyiasat dan membuat keputusan sendiri sama ada wujud kes atau tidak terhadap Ahli Parlimen saya.

Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail, yang turut sama pada sidang media itu berkata, tidak wajar untuk mana-mana pihak mengutuk Mohd Said kerana siasatan masih dijalankan dan beliau juga belum menerima laporannya.

"Saya setuju pandangan Datuk Seri Mohamed Nazri... apapun benarkan siasatan adil dilakukan," katanya tanpa mahu mengulas lanjut.